

**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH  
PERAK DARUL RIDZUAN**

Bil: (4) dlm.MDBG.(JKP).(S).400-5/6/10  
Tarikh : 5 Januari 2022

**NOTIS SEBUT HARGA**

( NO SEBUT HARGA : 02/2022 )


**PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN FOTOSTAT UNTUK KEGUNAAN MAJLIS  
DAERAH BATU GAJAH**

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar GST/ tidak berdaftar GST serta mempunyai pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia bagi menyertai sebut harga berikut:-

<b>BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA</b>	<b>KELAYAKAN KOD BIDANG PENDAFTARAN</b>	<b>TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN DIJUAL</b>	<b>TEMPAT DOKUMEN DIJUAL</b>	<b>TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP</b>
No. Sebut Harga:  02/2022  Perkara:  Perkhidmatan Penyewaan Mesin Fotostat Untuk Kegunaan Majlis Daerah Batu Gajah	221502  Mesin dan Peralatan Pejabat	Tarikh Dijual:  12 Januari 2022  Waktu:  8.00 pagi hingga 4.30 petang (Isnin – Khamis)  8.00 pagi hingga 12.00 tengahari & 2.45 petang hingga 4.30 petang (Jumaat)	Lobi Utama, Majlis Daerah Batu Gajah  Harga Dokumen:  RM50.00	Tarikh Tutup:  19 Januari 2022  Jam:  12.00 tengahari

1. Dokumen sebut harga boleh diperolehi seperti butiran di atas dengan mengemukakan **Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan** dalam kod bidang yang dinyatakan semasa pendaftaran.
2. Penyebutharga hendaklah memastikan bahawa **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan** masih berkuatkuasa semasa menyertai sebut harga ini. Jika tempoh telah tamat pihak syarikat tidak dibenarkan untuk menyertai sebut harga.
3. Sekiranya penama tidak berdaftar dengan Majlis Daerah Batu Gajah dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang telah ditetapkan. Dokumen sebut harga hanya dijual kepada syarikat yang menunjukkan **Kementerian Kewangan Malaysia Asal** berserta satu salinan sijil tersebut dan surat wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).

4. Penyebut harga dikehendaki melampirkan salinan resit bayaran pada setiap Dokumen Sebut Harga yang berkenaan sebelum dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga.
5. Semua borang sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah diasingkan kepada dua sampul yang berasingan mengikut cadangan teknikal dan cadangan harga. Kedua-dua sampul hendaklah dimasukkan ke dalam satu bungkusan berlakri (*sealed*) dengan mencatatkan tajuk dan nombor sebut harga. Borang sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Jabatan Perbendaharaan, Aras Bawah, Majlis Daerah Batu Gajah.
6. Syarikat yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MAJLIS DAERAH BATU GAJAH sahaja yang layak untuk dipertimbangkan.
7. Majlis Daerah Batu Gajah tidak terikat untuk menerima dokumen sebut harga yang terendah sekali atau sebarang dokumen sebut harga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam peti sebut harga setelah peti sebut harga dibuka.
8. Laman web [www.mdbg.gov.my](http://www.mdbg.gov.my)

  
(MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, AMP)  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Batu Gajah  
Batu Gajah

**"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"**